

12. KAJIAN IMPAK SKIM PERSIJILAN AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA (myGAP) DAN SKIM ORGANIK MALAYSIA (myOrganic)

Ahmad Zairy Zainol Abidin¹, Dr. Norzalila Kasron¹, Dr. Syahrin Suhaimee¹, Suhana Safari¹, Haryati Mansor², Siti Zahrah Ponari¹, Nurul Huda Sulaiman¹, Asruldin Ahmad Sobri¹ dan Muhammad Syafiq Ahmad Dani¹

¹Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risiko Pasaran dan Agribisnes

²Pusat Penyelidikan Sains Tanah, Air dan Baja

12.1 PENDAHULUAN

Amalan Pertanian Baik (APB) merupakan satu sistem pengurusan sumber dalam pengeluaran pertanian secara baik dan lestari. Sistem ini dapat meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja serta memelihara alam sekitar. Pelaksanaan APB di Malaysia mula diperkenalkan pada tahun 2002 dengan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) pada tahun 2002 bagi subsektor tanaman; Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) pada tahun 2003 bagi subsektor ternakan; dan Skim Persijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM) pada tahun 2005 bagi subsektor akuakultur.

Seterusnya, Program SALM, SALT, SPLAM telah dijenamakan dengan nama dan logo Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) pada tahun 2013 yang bertujuan untuk mengiktiraf ladang yang melaksanakan amalan pertanian baik. Menerusi persijilan ini, konsep APB diutamakan iaitu 1) Memastikan hasil pertanian adalah selamat untuk dimakan; 2) Menghasilkan produk yang berkualiti; 3) Pengurusan ladang yang berkesan dan mesra alam; dan 4) Menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja.

Persijilan organik mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2003 menerusi Skim Organik Malaysia (SOM) bagi subsektor tanaman oleh Jabatan Pertanian (DOA). Program ini kemudiannya telah dijenamakan dengan nama dan logo Skim Organik Malaysia (myOrganic) pada tahun 2015 yang merupakan gabungan persijilan bagi subsektor tanaman, ternakan dan akuakultur untuk mengiktiraf ladang yang diusahakan secara organik mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan. Hasil tanaman/ternakan daripada ladang myOrganic adalah dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan, bebas daripada bahan kimia sintetik dan *Genetically Modified Organism* (GMO).

Sebagai usaha Kerajaan untuk memastikan pengeluaran makanan yang selamat dan berkualiti, Program Pengukuhan Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) telah dijenamakan daripada persijilan sedia ada dan dilaksanakan oleh jabatan di bawah KPKM bermula tahun 2002. Berikut merupakan pengelasan persijilan myGAP dan myOrganic mengikut subsektor (*Jadual 12.1*).

Jadual 12.1. Pengelasan persijilan myGAP dan myOrganic mengikut subsektor

Tanaman	Ternakan	Akuakultur
1. myGAP Tanaman Makanan (myGAP)	1. myGAP Ternakan	1. myGAP Ladang
2. myGAP Tanaman Bukan Makanan (myGAP.TBM)	2. myGAP Walit	i. myGAP Ladang Kolam Udang Laut
3. myGAP Pemeliharaan Lebah dan Kelulut (myGAP.AM)	3. myOrganic	ii. myGAP Ladang Kolam Ikan Laut
4. myGAP Pesticide Free (myGAP.PF)		iii. myGAP Ladang Kolam Ikan Air Tawar
4. myOrganic		2. myGAP Hatcheri
		i. myGAP Hatcheri Udang Marin
		ii. myGAP Hatcheri Udang Air Tawar
		iii. myGAP Hatcheri Ikan Laut
		iv. myGAP Hatcheri Ikan Air Tawar
		3. myGAP Sangkar
		i. myGAP Sangkar Ikan Laut
		ii. myGAP Sangkar Ikan Air Tawar
		4. myGAP Ladang Ikan Hiasan
		5. myGAP Ladang rumpai laut
		6. myGAP Pengeksporth
		7. myGAP Pengimport
		8. myOrganic

Sumber: Laman sesawang DOA, DVS dan DOF (2023)

12.2 LATAR BELAKANG

Program persijilan myGAP dan myOrganic walaupun secara umumnya dilihat sebagai satu penyelesaian dalam menjamin keselamatan, pemantauan dan kesihatan dalam sektor makanan negara, namun bilangan pemegang persijilan myGAP dan myOrganic ini masih rendah. Berdasarkan statistik, persijilan yang rendah ini berpunca daripada pelbagai isu. Isu-isu ini perlu diterokai secara tuntas dan menyeluruh. Isu-isu ini kebanyakannya dinilai secara terasing atau *fragmented*. Berdasarkan kepada sorotan kajian lepas, beberapa isu dalam persijilan ini perlu dijadikan asas dalam membuat penilaian secara komprehensif merentasi rantaian nilai dan keseluruhan ekosistem myGAP dan myOrganic berkaitan punca persijilan ini tidak mendapat sambutan yang baik dalam kalangan petani dan penternak.

Kajian oleh Muhammad Syahmi Amrol (2022) menyatakan bahawa pada 2014, hanya 0.27% sahaja petani Malaysia mempunyai persijilan myGAP. Kajian oleh Mohamad et al. (2021) mendapati 62% petani yang ditemu ramah tidak mempunyai maklumat mengenai program myGAP yang dilaksanakan. Penglibatan peserta untuk persijilan myOrganic pada tahun 2015 adalah 151 orang (Syahrin et al., 2016), namun bilangan ini telah menurun kepada 138 orang pada tahun 2023.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh USIM Tijarah Holding (2023) telah mengenal pasti beberapa isu dan cabaran yang dihadapi dalam program persijilan ini antaranya adalah kesedaran masyarakat yang rendah dan masih tidak mengetahui kewujudan produk dan jenama/logo myGAP dan myOrganic, kesilapan dalam penyampaian maklumat mengenai program, tidak berminat dalam menyertai program ini dalam kalangan petani dan penternak serta pasaran yang tidak menjamin harga yang kompetitif. Dapatan ini disokong oleh Yuichiro et al. (2017) dalam kajian myGAP buah durian di Pahang. Kajian tersebut menunjukkan terdapat perbezaan penyampaian maklumat berkaitan persijilan myGAP yang mana petani berpendapat persijilan ini hanya untuk memastikan harga jualan ladang yang lebih tinggi selain tiada penekanan terhadap manfaat dan kepentingan persijilan ini.

Isu dan cabaran sepanjang pelaksanaan program ini perlu dinilai bagi mengukur tahap keberkesanan dan impak persijilan di keseluruhan rantai nilai dan ekosistem pertanian negara, seterusnya penetapan hala tuju program untuk masa hadapan. Objektif Kajian Impak Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan Skim Organik Malaysia (myOrganic) adalah untuk menilai keberkesanan dan penerimaan persijilan myGAP dan myOrganic di sepanjang rantai nilai pengeluaran agromakanan.

12.3 METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan data primer dan data sekunder untuk memenuhi objektif kajian dan memastikan jangkaan *outcome* yang menyeluruh. Data primer diperoleh melalui kajian lapangan, Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bersama dengan pihak agensi, pengusaha dan pemain industri yang terlibat. Selain itu, kaji selidik ke atas petani, penternak dan syarikat juga dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai persepsi, penggunaan, pengeluaran, kos dan potensi program persijilan ini.

Pengumpulan data sekunder mengumpulkan data dan penerbitan yang berkaitan daripada jabatan dan agensi yang terlibat seperti Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan agensi-agensi lain.

Parameter untuk pelaksanaan kajian ini untuk meliputi kesemua keempat-empat skop yang akan dibincangkan iaitu 1) pelaksana dan 2) pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport, pengeksport dan pengguna bukan isi rumah, 3) pengguna dan 4) pengusaha diuraikan kaedah pengumpulan data, analisis dan jangkaan dapatan kajian adalah seperti dalam *Rajah 12.1*.



Rajah 12.1. Parameter untuk pelaksanaan kajian

Analisis kajian akan memberikan fokus kepada empat analisis iaitu analisis deskriptif, analisis SWOT dan analisis kandungan. Analisis deskriptif dijalankan untuk memberikan gambaran sama ada secara gambar rajah, jadual dan carta bagi menjelaskan data yang telah dianalisis dengan lebih mudah dan teratur. Penggunaan nilai peratusan dan kekerapan digunakan untuk analisis data ordinal kerana dapat menggambarkan responden bagi kesemua sampel kajian

terhadap item dalam sesuatu instrumen (Creswell & Clark, 2017). Ini memudahkan untuk menjelaskan bagaimanakah profil, kecenderungan, saluran pemasaran dan potensi bagi setiap kumpulan utama dalam memperkenalkan dan menjayakan persijilan myGAP dan myOrganic ini.

Analisis SWOT akan melihat kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang wujud dalam pelaksanaan persijilan myGAP dan myOrganic di peringkat pelaksana dan penggunaan sijil myGAP dan myOrganic dalam perniagaan untuk kumpulan pengumpul, pengedar dan peruncit, manakala analisis kandungan akan membantu untuk menterjemahkan jawapan-jawapan subjektif responden dalam bentuk yang mudah dianalisis berdasarkan kepada konsep atau tema yang akan digunakan dalam menjelaskan bagaimana mereka melihat dan penginterpretasian kepentingan persijilan myGAP dan myOrganic dalam aktiviti mereka.

12.4 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan meliputi empat kumpulan iaitu i) kumpulan pelaksana, ii) kumpulan pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport, pengeksport dan pengguna bukan isi rumah, iii) pengguna dan iv) pengusaha.

12.4.1 Pelaksana

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklum balas terhadap kebaikan, isu dan cadangan tambah baik daripada pelaksana melalui pengalaman sebagai pegawai yang berhubung secara terus dengan pengusaha. Bengkel Kajian Impak myGAP dan myOrganic telah dijalankan pada 18 – 20 Mac 2024 di Dewan Tan Sri Yusuf Hashim, Ibu Pejabat MARDI, Serdang, Selangor, Pegawai pelaksana terdiri daripada kementerian, jabatan dan agensi dijemput untuk memberikan pandangan secara holistik kepada kajian ini. Seramai 82 orang pegawai telah hadir dalam tiga sesi bengkel ini. Jumlah peserta dari setiap agensi adalah mengikut pecahan berikut (*Jadual 12.2*).

Jadual 12.2. Pecahan bilangan pegawai yang menghadiri sesi libat urus

Tanaman: 31 orang		Ternakan: 27 orang		Perikanan: 24 orang	
KPKM	5	DVS	19	KPKM	1
DOA	14	FAMA	1	DOF	19
FAMA	3	LPP	1	KPDN	2
LPNM	3	KPDN	2	MAQIS	2
LPP/PPK	2	JAS	1		
KPDN	2	MAQIS	2		
KKM	1	KKM	1		
MADA	1				

Bengkel tersebut dijalankan dengan menggunakan kaedah *Rapid Information Gathering* (RIG) dan *Focus Group Discussion* (FGD). Kaedah RIG dijalankan untuk mendapatkan maklum balas, pandangan, persepsi dan isu terhadap soalan yang diutarakan dan sesi FGD digunakan untuk membincangkan maklumat yang telah dikumpulkan dalam sesi RIG yang dijalankan sebelumnya. Hasil daripada kedua-dua kaedah tersebut akan disintesis untuk dibincangkan bagi ketiga-tiga kluster iaitu tanaman, ternakan dan perikanan. Perbincangan lanjut akan tertumpu kepada dua kategori iaitu:

- i) apakah faedah yang berjaya dibawa oleh program persijilan myGAP dan myOrganic daripada perspektif pelaksana dan
- ii) masalah yang dihadapi dan cadangan tambah baik yang boleh dilaksanakan berdasarkan pengalaman dan pengetahuan pelaksana sepanjang pelaksanaan program persijilan myGAP dan myOrganic ini.

Hasil dapatan dirumuskan menggunakan analisis SWOT bagi mendapatkan gambaran apakah kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang wujud bagi kluster tanaman, ternakan dan perikanan. Kemudian hasil daripada ketiga-tiga analisis SWOT tersebut disintesis bersama-sama untuk dirumuskan apakah SWOT bagi ketiga-tiga kluster tersebut.

Berdasarkan kepada analisis SWOT yang dilaksanakan untuk kesemua kluster, kajian mendapati terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam aspek kekuatan kelemahan, peluang dan ancaman dalam melaksanakan persijilan myGAP dan myOrganic ini. Oleh yang demikian, satu rumusan analisis SWOT (*Jadual 12.3*) disediakan untuk melihat secara umum keberkesanan persijilan ini melalui perspektif pegawai pelaksana.

Jadual 12.3. Rumusan analisis SWOT Pelaksana

Kekuatan (<i>Strength</i>)	Kelemahan (<i>Weaknesses</i>)
• Pengiktirafan terhadap Amalan Pertanian Baik bagi kesemua kluster tanaman, ternakan dan perikanan. • Pengurusan ladang yang sistematik • Hasil ladang atau ternakan yang berkualiti, bebas penyakit, bersih dan selamat dimakan • Amalan ladang lestari • Keselamatan dan kebajikan pekerja yang terjamin • Akses pasaran yang lebih luas termasuk pasaran antarabangsa	• Kesedaran rendah dalam kalangan pengusaha, pemborong dan pengguna • Kekurangan juru auditor bertauliah • Kekurangan staf dalam melaksanakan pemantauan kerana kekangan kerja hakiki • Komitmen pengusaha rendah untuk mematuhi syarat pengauditan • Tiada perbezaan harga jualan (myGAP) • Tiada akta dan perundangan yang menyokong penguatkuasaan. • Kurang promosi myGAP dan myOrganic
Peluang (<i>Opportunity</i>)	Ancaman (<i>Threats</i>)
• Meningkatkan kesedaran melalui pendidikan dan latihan • Pengembangan pasaran antarabangsa • Kerjasama dengan institusi penyelidikan • Peningkatan insentif dan sokongan kerajaan • Penggunaan teknologi digital	• Persaingan antara persijilan myGAP dengan persijilan antarabangsa seperti Fish Quality Certificate (FQC) dan GlobalGAP • Persaingan dengan produk yang tiada sijil • Kekurangan infrastruktur dan sokongan

12.4.2. Pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport dan pengeksport


Kajian terhadap pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport dan pengeksport dijalankan bagi mendapatkan maklum balas pemain industri akan kebaikan, isu, cadangan tambah baik, potensi produk, rangkaian dan struktur pasaran. Lima kumpulan sasaran dipecahkan untuk mendapatkan gambaran rangkaian pasaran adalah seperti dalam *Jadual 12.4*. Maklumat yang diperoleh adalah daripada temu bual yang dilakukan bersama syarikat yang berkaitan dalam membincangkan melalui empat aspek iaitu:

- i) mengenai pengetahuan dan kesedaran terhadap persijilan myGAP dan myOrganic,
- ii) segmen, struktur dan rangkaian pasaran,
- iii) potensi produk, harga dan jualan, dan
- iv) cadangan daripada pengumpul/ pemborong, pengedar dan peruncit.

Jadual 12.4. Pecahan kumpulan sasaran, bilangan dan huraian kumpulan utama

Bil.	Kumpulan sasaran	Bilangan syarikat	Huraian
1.	Pemborong	4 buah syarikat	Syarikat pemborong yang dirujuk menjadi pemborong berdasarkan kepada alamat perhubungan yang ada di pembungkusan produk myGAP dan myOrganic.
2.	Peruncit	1 buah syarikat	Kedai runcit <i>specialty store</i> iaitu kedai yang menjual secara khusus produk organik.
3.	Pasar raya	5 buah syarikat (pasar raya nilai sederhana 2, pasar raya nilai tinggi 3)	Pasar raya tempatan yang ada menjual produk-produk myGAP dan myOrganic. Meliputi dua kategori iaitu pasar raya nilai sederhana (<i>middle-end supermarkets</i>) dan pasar raya nilai tinggi (<i>high-end supermarket</i>).
4.	Pengeksport	11 buah syarikat (akuakultur 5, ternakan 2, tanaman 4)	Syarikat pengeksport atau premis pengeksport yang ada menjalankan aktiviti eksport produk berasaskan myGAP dan myOrganic.
5.	Pengimport	4 buah syarikat (akuakultur 4)	Syarikat pengimport atau premis pengimport yang ada menjalankan aktiviti import produk berasaskan myGAP dan myOrganic.

Melalui sesi temu bual yang telah dijalankan, terdapat beberapa saluran rangkaian pasaran yang dikenal pasti terlibat dalam memasarkan produk myGAP dan myOrganic di Malaysia. Temu bual dengan semua pemain industri yang berkaitan membawa kepada rantai nilai yang jana seperti dalam *Rajah 12.2*. Terdapat tujuh kategori dan 10 peringkat pemasaran yang telah dikenal pasti terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam rangkaian nilai ini.



Rajah 12.2. Rangkaian pemasaran produk myGAP dan myOrganic

Kelima-lima kumpulan utama yang ditemu bual memberikan gambaran yang jelas bagaimana produk myGAP dan myOrganic bergerak dalam rangkaian pasaran negara. Kesimpulan yang dapat disimpulkan rumuskan di dalam analisis SWOT seperti *Jadual 12.5*.

Jadual 12.5. Analisis SWOT untuk pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport dan pengeksport

Kekuatan (<i>Strength</i>)	Kelemahan (<i>Weaknesses</i>)
• Persijilan myGAP dan myOrganic Malaysia mendapat permintaan daripada pasaran luar negara kerana akreditasi dan pemantauan yang dibuat diyakini oleh negara pengimport. • Produk yang dipersijilkan dengan myGAP dan myOrganic diyakini selamat dan terjamin. • Tarikan kepada pengguna organik menjadi lebih besar dengan adanya produk-produk berlabel myOrganic di pasaran.	• Tiada hebahan secara terancang kepada pemborong dan pasar raya untuk memastikan mereka memainkan peranan yang lebih dalam memperkenalkan persijilan myGAP dan myOrganic. • Pendedahan akan kebaikan dan manfaat produk myGAP dan myOrganic tidak dihebahkan ke seluruh rantai nilai terutama selepas peringkat pengusaha. • Tiada akta atau peraturan yang menyokong hasrat untuk memastikan kesemua sumber makanan adalah selamat dan terjamin. • Tiada perbezaan harga yang jelas untuk produk myGAP dan bukan myGAP, berbeza dengan produk myOrganic. • Kurang kepelbagaian produk myGAP dan myOrganic di pasaran.
Peluang (<i>Opportunity</i>)	Ancaman (<i>Threats</i>)
• Pemasaran produk yang mempunyai persijilan myGAP dan myOrganic yang di sekalikan dengan jenama memberikan pengenalan terbaik untuk memperkenalkan produk myGAP dan myOrganic kepada pengguna seperti buah nanas 'Rompine', sayuran daun 'Lushious' dan ternakan 'Ayam Nanas'. • Mewajibkan semua petani dan penternak memiliki persijilan myGAP dan myOrganic agar pengeluaran dapat ditingkatkan.	• Tiadanya punca kuasa untuk penguatkuasaan terhadap produk boleh menjadi punca kepada produk-produk myGAP dan myOrganic tidak diyakini oleh pengguna sama ada tempatan dan antarabangsa. • Tiada jaminan harga untuk produk myGAP, menyebabkan produk myGAP diletakkan bersama dengan produk bukan myGAP di pasaran (kerana tiada perbezaan harga), mengurangkan peluang untuk produk myGAP diyakini di pasaran tempatan.

12.4.3. Pengguna (orang awam)

Kajian penerimaan pengguna dijalankan bagi menilai tahap kesedaran pengguna dan pengambilan produk yang mempunyai persijilan myGAP dan myOrganic. Kajian ini penting bagi menilai tahap pengetahuan pengguna terhadap kepentingan dan faedah produk dengan kedua-dua persijilan ini. Selain itu, kajian ini dapat mengenal pasti tahap penggunaan produk myGAP dan myOrganic dalam kalangan masyarakat Malaysia serta potensi penggunaannya pada masa akan datang. Dapatan kajian ini penting untuk membantu pembuat dasar dan pelaksana menentukan hala tuju program persijilan ini serta kaedah yang perlu diketengahkan dalam menggalakkan pengambilan produk-produk myGAP dan myOrganic.


Profil demografi responden menunjukkan 73% responden berumur 45 tahun dan ke bawah. Majoriti responden kajian ini berbangsa Melayu (82%), diikuti Cina (11%) dan bangsa-bangsa lain (6%) seperti Kadazan dan Bidayuh. Seramai 60% responden mempunyai tahap

pendidikan sehingga peringkat institut pengajian tinggi (IPT) manakala selebihnya mempunyai tahap pendidikan peringkat sekolah menengah dan ke bawah. Pekerjaan utama responden adalah dalam sektor swasta (40%) sektor kerajaan (21%), bekerja sendiri (23%) dan selebihnya tidak bekerja yang merupakan pesara, suri rumah dan pelajar. Kumpulan pendapatan isi rumah dikelaskan mengikut takrif yang diguna pakai di Malaysia dengan pembahagian tiga kumpulan julat pendapatan iaitu B40, M40 dan T20. Pendapatan yang kurang dari RM4,850 tergolong dalam kumpulan B40 dengan jumlah responden sebanyak 52%, manakala kumpulan M40 dengan julat pendapatan yang kurang daripada RM10,970 adalah sebanyak 41%. Selebihnya merupakan responden yang terdiri daripada kumpulan T20 dengan julat pendapatan melebihi RM10,971 (*Jadual 12.6*).

Jadual 12.6. Demografi responden (pengguna) (n = 1,262)


Perkara	Kategori	Frekuensi (%)
Umur	18 – 25	10
	26 – 35	29
	36 – 45	34
	46 – 55	16
	≥56	11
Bangsa	Melayu	82
	Cina	11
	India	1
	Lain-lain	6
Tahap pendidikan	Pendidikan tidak formal	1
	Sekolah rendah	1
	Sekolah menengah	37
	IPT	60
Pekerjaan utama	Kakitangan kerajaan	21
	Kakitangan swasta	40
	Kerja sendiri	23
	Tidak bekerja	16
Pendapatan isi rumah	B40	52
	M40	41
	T20	7

Dapatan kajian menunjukkan penduduk di Malaysia yang mengetahui mengenai myGAP dan myOrganic hanya 57% mengetahui myGAP dan 61% mengetahui myOrganic. Namun begitu, daripada jumlah ini, pengguna hanya mengetahui persijilan myGAP dan myOrganic umum tanpa menyedari masih terdapat pelbagai jenis pengelasan persijilan berkaitan. *Rajah 12.3* menunjukkan peratus responden yang tahu perincian mengenai pengelasan persijilan myGAP dan myOrganic bagi ketiga-tiga kluster pertanian tanaman, ternakan dan perikanan. Didapati pengetahuan terhadap jenis yang umum seperti myGAP dan myOrganic tanaman, myGAP dan myOrganic ternakan dan myGAP akuakultur lebih dikenali berganding dengan lain-lain pengelasan yang ada. Didapati juga bahawa untuk persijilan di bawah sektor perikanan adalah antara yang kurang dikenali oleh pengguna.




Rajah 12.3. Jenis persijilan yang diketahui mengikut kategori, n = 1,262

Rajah 12.4 menunjukkan logo GlobalGAP dan myGAP Free Pesticide kurang dikenali dengan peratusan kurang daripada 25%, berbanding dengan logo myGAP dan myOrganic. Produk-produk persijilan myGAP dan myOrganic merangkumi sayur-sayuran, buah-buahan, produk ternakan (ayam, daging dan ikan) serta produk tenusu. Walau bagaimanapun, persijilan ini hanya dikenali bagi produk sayur-sayuran (95%) dan buah-buahan (70%) sahaja dan hanya segelintir responden sahaja yang mengetahui bahawa persijilan ini turut melibatkan produk ternakan dan tenusu. Rajah 12.5 menunjukkan produk dengan persijilan myGAP dan myOrganic yang diketahui oleh responden.




Pada peringkat awal, responden beranggapan bahawa produk myGAP dan myOrganic ini merupakan produk yang berkualiti (84%), menjadikan persekitaran penanaman yang selamat dan terkawal (83%), kurang penggunaan racun serangga (81%) dan menghasilkan produk yang sihat (81%). Namun, setelah diberi penjelasan berkaitan persijilan myGAP dan myOrganic, responden bersetuju bahawa persijilan ini akan menghasilkan produk yang berkualiti, memberi persekitaran yang selamat dan terkawal dan menghasilkan produk yang sihat. *Rajah 12.6* menunjukkan peratusan persepsi responden sebelum diberi penjelasan berkaitan faedah dan kebaikan produk myGAP dan myOrganic manakala *Rajah 12.7* merupakan persepsi responden selepas mendapat penjelasan tersebut.




Responden melihat produk myOrganic (57%) lebih mahal berbanding dengan produk myGAP (42%), namun harga yang ditawarkan adalah setimpal dengan manfaat kesihatan (59%), kualiti (58%) dan kuantiti (56%). Manakala bagi produk myGAP, walaupun harga yang ditawarkan

lebih rendah, namun masih mampu memberikan manfaat kesihatan, kualiti dan kuantiti yang setimpal. Media sosial (23%), agensi kerajaan (18%) dan pameran (17%) merupakan antara medium perantara yang banyak memainkan peranan dalam menyampaikan maklumat kepada orang awam berkaitan kedua-dua persijilan ini (*Rajah 12.8*).



Rajah 12.8. Persepsi berkaitan harga produk myGAP dan myOrganic

Produk berlabel myGAP dan myOrganic (keluaran Malaysia) dan produk GAP dan organik (keluaran luar negara) telah berada di pasaran. Kesemua label ini memainkan peranan dalam pemasaran produk pertanian. Walaupun ia telah lama diperkenalkan, namun hanya sebahagian responden yang pernah menggunakan produk GAP dan Organik. Berdasarkan dapatan kajian ini, responden yang pernah mengambil produk dengan persijilan GAP dan Organik hanya 49% (617) dan 50% (624) masing-masing. 63% daripada pengguna produk GAP memilih untuk menggunakan produk dengan label myGAP manakala 37% dengan label GAP umum seperti GlobalGAP (*Rajah 12.9*). Ini menunjukkan pengguna lebih yakin dengan label persijilan myGAP berbanding persijilan lain.




Rajah 12.9. Pengambilan produk persijilan GAP dan Organik


Pengguna produk bagi kedua-dua persijilan ini bersetuju bahawa produk ini sukar diperoleh. Memandangkan produk myGAP dan myOrganic ini mempunyai saluran pemasaran yang terhad, hampir semua pengguna myGAP (91%) dan myOrganic (89%) memperoleh bekalan di pasar raya (*Rajah 12.10*). Hal ini demikian kerana terdapat ruangan khas untuk menempatkan produk ini

di pasar raya dengan pelbagai pilihan. Walaupun terdapat kedai khas menjual produk organik, namun ia sukar didapati terutama di kawasan yang jauh dari bandar besar. Hanya 28% daripada jumlah pengguna bagi kedua-dua persijilan ini yang berpendapat bahawa produk myGAP dan myOrganic mudah diperolehi terutama di kawasan bandar.

Rajah 12.11 menunjukkan 93% dan 95% responden kerap membeli sayur myGAP dan myOrganic, menunjukkan bahawa sayur-sayuran lebih sinonim dengan kedua-dua persijilan ini. Manakala hanya 59% dan 65% sahaja responden yang membeli buah-buahan yang mempunyai persijilan myGAP dan myOrganic. Tenusu merupakan produk myGAP dan myOrganic yang paling kurang dibeli dengan peratusan 13%.




Rajah 12.10. Lokasi pembelian produk myGAP dan myOrganic




Rajah 12.11. Produk myGAP dan myOrganic kerap dibeli

Trend faktor pembelian dan pemilihan produk bagi kedua-dua jenis persijilan ini dalam kalangan pengguna dilihat sama dan ini menunjukkan pengguna faham dan sedar kepentingan persijilan ini dalam pembelian harian. Kesedaran dalam penjagaan kesihatan merupakan faktor utama pengguna mengambil produk GAP (90%) dan organik (92%). Malah, pengguna yang faham mengenai faedah dan kebaikan persijilan ini setuju bahawa penggunaan produk GAP dan organik dapat membantu menjaga alam sekitar daripada pencemaran racun dan bahan kimia (*Rajah 12.12*). Dalam pemilihan produk GAP dan organik, kualiti merupakan faktor utama dalam pemilihan produk dengan peratusan masing-masing 93% dan 91%, diikuti oleh faktor harga (63% dan 68%) dan cara pembungkusan (39% dan 35%). *Rajah 12.13* menunjukkan pecahan peratusan dalam faktor pemilihan produk dengan persijilan GAP dan organik.

Kajian ini turut melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembelian produk myGAP dan myOrganic. Sebanyak 31 pemboleh ubah dianalisis dan KMO menunjukkan nilai 0.963 manakala ujian Barlett’s signifikan pada 0.01 ($p\text{-value} < 0.000$). Ini menunjukkan analisis faktor sesuai digunakan bagi mengenal pasti faktor utama yang mempengaruhi pembelian produk myGAP dan myOrganic. Nilai Eigen yang melebihi 1.0 dijadikan faktor yang mempengaruhi pembelian. Analisis ini telah mengurangkan sejumlah pemboleh ubah asal kepada faktor baharu dan sebanyak 19 item telah diekstrak menjadi tiga faktor iaitu Kesedaran, Promosi dan Jenama Pengeluar. *Jadual 12.7* menunjukkan ketiga-tiga faktor ini menerangkan 73.83% varian.



Rajah 12.12. Faktor pembelian produk persijilan GAP dan Organik



Rajah 12.13. Faktor pemilihan produk persijilan GAP dan Organik

Faktor Kesedaran merangkumi kepentingan pengambilan produk tersebut. Sembilan pemboleh ubah dalam faktor ini memberikan nilai korelasi yang tinggi (>0.7) dan menerangkan 32.36% daripada keseluruhan dimensi ini. Faktor ini penting kerana dapat mengenal pasti tahap pengetahuan responden terhadap kepentingan dan manfaat dalam pengambilan produk myGAP dan myOrganic. Faktor Promosi yang menerangkan 25.73% daripada keseluruhan dimensi ini. Tujuh pemboleh ubah yang terdapat dalam faktor ini memberi nilai korelasi antara 0.5 hingga 0.873. Pemboleh ubah meliputi kaedah promosi dan pengaruh sekeliling yang membantu dalam mempengaruhi pembelian produk tersebut. Ini merupakan antara faktor penting yang mana promosi yang berkesan dapat menyebarkan maklumat dan meningkatkan pengetahuan orang ramai terhadap persijilan myGAP dan myOrganic. Jenama pengeluar merupakan faktor ketiga yang mempengaruhi pembelian. Faktor ini menerangkan 15.74% daripada keseluruhan dimensi dan diwakili oleh tiga pemboleh ubah yang mana dua dari tiga pemboleh ubah ini memberi nilai korelasi lebih dari 0.7. Jenama pengeluar penting kerana dapat memberi keyakinan pengguna terhadap kualiti produk. Pengeluar daripada jenama yang dikenali kebiasaannya mudah diakses untuk pengguna membelinya.

Jadual 12.7. Faktor mempengaruhi pengambilan produk myGAP dan myOrganic


Perkara	Kesedaran	Promosi	Jenama
Untuk kekal sihat	0.716		
Kesedaran sendiri	0.753		
Selamat untuk dimakan	0.839		
Hasil pertanian yang mesra alam	0.855		
Hasil pertanian yang menggunakan baja pertanian secara tidak berlebihan/minimum	0.839		
Hasil pertanian yang menggunakan racun pertanian secara tidak berlebihan/minimum	0.835		

(Samb.)

Jadual 12.7. (Samb.)

Perkara	Kesedaran	Promosi	Jenama
Kandungan nutrisi yang berkhasiat	0.840		
Produk yang berkualiti	0.780		
Harga jualan berpatutan	0.502		
Pengaruh iklan/promosi		0.808	
Maklumat/hebahan daripada agensi kerajaan		0.842	
Maklumat/hebahan daripada pengeluar		0.873	
Maklumat/hebahan daripada petani		0.848	
Maklumat/hebahan daripada pasar raya/kedai		0.829	
Ingin mencuba		0.500	
Disyorkan oleh kawan-kawan		0.547	
Produk import			0.685
Produk popular di pasaran			0.715
Nilai Eigen	12.41	2.04	1.048
Nisbah varians (%)	32.36	25.73	15.74
Nisbah kumulatif (%)	32.36	58.09	73.83
KMO	0.963		
Bartlett's Test of Sphericity	0.000		


Sehingga kini, pelbagai promosi telah dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memastikan maklumat berkaitan faedah dan kebaikan dalam pengambilan produk yang mempunyai persijilan myGAP dan myOrganic. Kajian mendapati sebanyak 56% pengguna myGAP dan myOrganic menganggap penyebaran maklumat persijilan ini telah berjaya dilaksanakan. Manakala 28% responden menganggap penyebaran maklumat berkaitan kurang berkesan dan selebihnya tidak pasti (*Rajah 12.14*).



Rajah 12.14. Keberkesanan penyebaran maklumat myGAP dan myOrganic

Memandangkan kesedaran terhadap faedah dan kepentingan pengambilan produk dengan persijilan GAP dan organik masih pada tahap sederhana, 84% responden berpandangan bahawa promosi secara besar-besaran perlu dipertingkatkan supaya nama dan logo persijilan ini tidak menjadi asing dalam kalangan masyarakat Malaysia. Manakala 75% responden setuju jika setiap pasar raya mewujudkan ruangan jualan khas, bukan sahaja untuk produk organik, malah turut menyediakan ruang jualan khas untuk produk GAP (*Rajah 12.15*). Jika dibandingkan dengan produk organik, produk GAP kurang diketengahkan dan ini menyebabkan orang awam tidak

nampak faedah pengambilannya. Dengan itu, kempen pengambilan dan uji rasa produk GAP perlu dilaksanakan supaya pengguna dapat melihat secara dekat mengenai bahaya pengambilan produk yang mengandungi MRL yang tinggi.



Rajah 12.15. Cadangan kaedah pemasaran produk myGAP dan myOrganic

Tahap kesedaran rakyat Malaysia berkaitan persijilan myGAP dan myOrganic telah ada walaupun rendah. Responden turut mengetahui bahawa produk myGAP dan myOrganic merupakan produk yang berkualiti, menjaga persekitaran dan kurang penggunaan racun. Namun, maklumat secara terperinci berkaitan jenis-jenis persijilan ini bagi setiap produk (tanaman, ternakan dan perikanan) masih belum diketahui terutama bagi produk perikanan. MyGAP hanya dikenali untuk produk tanaman seperti sayur dan buah-buahan, manakala myOrganic turut dikenali untuk produk tanaman dan ternakan terutama ayam. Responden melihat persijilan ini mempengaruhi kenaikan harga produk tersebut namun masih setimpal dengan kualiti dan manfaat kesihatan.


12.4.4. Pengusaha

Kajian terhadap pengusaha memberikan tumpuan kepada penerima persijilan myGAP dan myOrganic dalam kluster tanaman, ternakan dan perikanan. Kerjasama dengan Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) diperoleh semasa kajian ini dijalankan. Seramai 531 petani dan penternak telah disurvei mengikut kluster masing-masing dan pecahan responden adalah seperti dalam *Jadual 12.8*. Perbincangan bersama wakil-wakil agensi bersetuju dengan seramai 749 orang responden dalam kalangan petani dan penternak. Berikut adalah senarai jumlah responden yang diterima sehingga laporan interim ini disediakan.

Jadual 12.8. Pecahan bilangan responden pengusaha mengikut persijilan

Kluster	Persijilan	Jumlah kecil	Jumlah Besar
Tanaman	a) myGAP Tanaman (myGAP)	355	392
	b) myGAP Tanaman Bukan Makanan (myGAP.TBM)		
	c) myGAP Pesticide Free (myGAP.PF)		
	d) myGAP Tanaman Pemeliharaan Lebah dan Kelulut (myGAP.AM)		
	myOrganic Tanaman	37	
Ternakan	myGAP Ternakan	35	39
	myOrganic Ternakan	4	
Perikanan	myGAP Perikanan	100	100
Jumlah keseluruhan			531

Dalam jumlah tersebut, 92% adalah pemilik persijilan myGAP dan 8% adalah daripada myOrganic. Pecahan persijilan myGAP mengikut kluster pula menunjukkan 72% adalah daripada myGAP tanaman, diikuti 20% myGAP perikanan dan 75 myGAP ternakan. Bagi persijilan myOrganic pula, 90% adalah myOrganic tanaman dan 10% myOrganic ternakan (*Rajah 12.16*).



Rajah 12.16. Jenis persijilan dan pecahan mengikut kluster


Profil demografi pengusaha myGAP dan myOrganic menunjukkan bahawa majoriti pengusaha adalah individu (49.2%) yang menjalankan perniagaan berskala Mikro (50.4%) dan Kecil (32.5%). Syarikat Sdn. Bhd. (28.8%) dan Enterprise (19.4%) juga memainkan peranan penting terutamanya dalam skala Kecil (32.5%) dan Sederhana (14.6%), manakala penglibatan agensi kerajaan (1.5%), koperasi (0.8%) dan syarikat Berhad (0.4%) adalah agak kecil. Ini mencerminkan bahawa persijilan myGAP dan myOrganic lebih banyak diambil oleh usahawan persendirian dan syarikat kecil hingga sederhana yang terlibat dalam persijilan myGAP dan myOrganic (*Jadual 12.9*).

Jadual 12.9. Demografi responden

Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
Entiti perusahaan	Individu	261	49.2%
	Sdn. Bhd.	153	28.8%
	Enterprise	103	19.4%
	Agensi kerajaan	8	1.5%
	Koperasi	4	0.8%
	Berhad	2	0.4%
Skala perusahaan (n = 240)	Mikro (< RM300,000)	121	50.4%
	Kecil (RM300,000 – RM3 juta)	78	32.5%
	Sederhana (RM3 juta – RM20 juta)	35	14.6%
	Besar (> RM20 juta)	6	2.5%


Majoriti pengusaha memperoleh pengetahuan mengenai myGAP dan myOrganic melalui agensi kerajaan dengan 96% responden menyatakan ini sebagai sumber utama mereka. Ini menunjukkan peranan penting agensi kerajaan dalam mempromosikan dan menyebarkan maklumat mengenai persijilan ini. Selain itu, pengaruh orang sekeliling juga merupakan sumber pengetahuan yang ketara, dengan 21% responden menyatakan mereka mendapat maklumat melalui rakan, keluarga, atau rakan sekerja. Sumber lain seperti pameran (20%), media sosial

(14%) dan media massa (10%) turut memainkan peranan, walaupun pada tahap yang lebih rendah. Media cetak (6%) dan konferen (5%) pula merupakan sumber yang kurang dominan, mungkin disebabkan oleh perubahan trend dalam cara maklumat diakses pada masa kini (*Rajah 12.17*).



Rajah 12.17. Sumber pengetahuan mengenai persijilan myGAP dan myOrganic


Tujuan utama pengusaha memohon persijilan myGAP dan myOrganic (*Rajah 12.18*) adalah untuk memastikan keselamatan makanan, dengan 84% responden menyatakan ini sebagai motivasi utama mereka. Ini menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengusaha mengenai kepentingan menghasilkan makanan yang selamat dan berkualiti untuk pengguna. Selain itu, hasil berkualiti juga menjadi tujuan penting dengan 76% responden menekankan keinginan untuk meningkatkan kualiti produk mereka. Faktor lain yang turut mempengaruhi keputusan memohon persijilan ini termasuk memelihara alam sekitar (61%), yang mencerminkan komitmen pengusaha terhadap amalan pertanian mampan dan mesra alam. Sokongan agensi dan keselamatan pekerja masing-masing mencatatkan 50%, menunjukkan bahawa bantuan daripada agensi kerajaan dan keprihatinan terhadap kesejahteraan pekerja juga memainkan peranan penting. Dari segi pasaran, pasaran domestik dan antarabangsa menjadi tujuan bagi 46% responden, manakala permintaan pasaran pula disebut oleh 37%. persijilan ini bukan sahaja membantu pengusaha memenuhi keperluan pasaran tempatan tetapi juga membuka peluang untuk memasuki pasaran global.



Rajah 12.18. Tujuan permohonan persijilan myGAP dan myOrganic

Rajah 12.19 menunjukkan tempoh kelulusan permohonan dan masalah kelewatan permohonan persijilan myGAP dan myOrganic yang melebihi setahun. Majoriti responden menyatakan tempoh kelulusan permohonan sijil myGAP dan myOrganic adalah antara 6 – 12 bulan (49.5%). Sementara itu, 42.0% responden menerima kelulusan dalam tempoh yang lebih cepat, iaitu kurang daripada enam bulan menunjukkan bahawa hampir 91.5% permohonan diluluskan dalam tempoh 12 bulan atau kurang. Bagi permohonan yang mengambil masa lebih lama, 3.6% responden melaporkan tempoh kelulusan antara 12 – 18 bulan, manakala 2.3% menerima kelulusan dalam tempoh 18 – 24 bulan. Hanya 2.6% responden menyatakan bahawa permohonan mereka mengambil masa lebih daripada 24 bulan untuk diluluskan.

Daripada jumlah yang lewat tersebut, antara sebab utama kelewatan kelulusan adalah proses pengauditan dan dokumen tidak lengkap, masing-masing pada 17%. Ini menunjukkan bahawa kekurangan dokumen yang diperlukan dan proses pengauditan yang memakan masa merupakan faktor penting yang menyumbang kepada kelewatan. Selain itu, fasiliti tidak mencukupi (9%) dan masalah sampel (4%). Faktor luaran seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga memainkan peranan dengan 13% responden menyatakan ini sebagai sebab kelewatan. Begitu juga, menunggu keputusan permohonan yang lama (13%) turut dinyatakan. Namun, 26% responden menyatakan mereka tidak pasti tentang sebab kelewatan.




Rajah 12.19. Tempoh kelulusan permohonan dan masalah kelewatan permohonan persijilan myGAP dan myOrganic yang melebihi setahun

Sebanyak 58% merupakan pemilik persijilan baharu dan 42% daripada jumlah responden menyatakan mereka merupakan penternak dan petani yang masih kekal dalam persijilan myGAP dan myOrganic dengan pembaharuan paling banyak sebanyak lima kali.


Untuk proses permohonan, sebanyak 41.6% responden menyatakan bahawa proses permohonan adalah mudah manakala 42.0% menganggap proses ini sebagai biasa. Ini menunjukkan bahawa majoriti pengusaha (83.6%) tidak menghadapi kesukaran yang ketara dalam proses permohonan sijil. Walau bagaimanapun, 16.4% responden menganggap proses permohonan sebagai susah, yang mungkin mencerminkan keperluan penambahbaikan dalam aspek tertentu seperti penyediaan dokumen atau pemahaman prosedur.

Bagi proses pembaharuan, 41.4% responden menyatakan ia adalah mudah dan 46.5% menganggapnya sebagai biasa. Ini menunjukkan bahawa 87.9% pengusaha tidak menghadapi kesukaran yang besar dalam proses pembaharuan. Hanya 12.1% responden menganggap proses pembaharuan sebagai susah, yang mungkin disebabkan oleh faktor seperti kekurangan maklumat atau pengalaman dalam menjalani proses tersebut (Rajah 12.20).




Rajah 12.20. Peratus yang mengulang permohonan dan pembaharuan persijilan myGAP dan myOrganic

Sebanyak 75.0% responden menyatakan bahawa mereka pernah menghadiri kursus berkaitan persijilan myGAP dan/atau myOrganic. Ini menunjukkan bahawa majoriti pengusaha telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka mengenai amalan pertanian yang baik dan pengeluaran organik melalui kursus-kursus yang disediakan. Manakala, 25.0% responden melaporkan bahawa mereka tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan persijilan ini (*Rajah 12.21*). Pemantauan dan khidmat nasihat daripada pegawai jabatan juga diterima oleh penternak dan petani sepanjang mereka memperoleh persijilan ini. Sebanyak 97.6% responden menyatakan bahawa mereka menerima pemantauan daripada pegawai jabatan manakala hanya 2.4% melaporkan tidak menerima pemantauan. Selain itu, 97.2% responden melaporkan bahawa mereka mendapat khidmat nasihat daripada pegawai jabatan dengan hanya 2.8% menyatakan sebaliknya. Ini mencerminkan bahawa majoriti pengusaha bukan sahaja dipantau tetapi juga diberikan bimbingan dan nasihat untuk meningkatkan kualiti pengeluaran dan memenuhi keperluan persijilan (*Rajah 12.22*).



Rajah 12.21. Peratusan yang pernah menghadiri kursus berkaitan myGAP dan myOrganic



Rajah 12.22. Peratusan menerima pemantauan dan khidmat nasihat daripada pegawai jabatan

Jadual 12.10 dan *12.11* merupakan faktor utama yang mempengaruhi penerimaan myGAP dan myOrganic dalam kalangan penternak dan petani. Persepsi terhadap myGAP mendapati bahawa terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi penerimaan myGAP iaitu keselamatan produk dan persekitaran, keyakinan pasaran dan proses persijilan. Faktor pertama, keselamatan produk dan persekitaran menunjukkan bahawa petani yang menerima myGAP menyedari kepentingan pengeluaran hasil yang bebas daripada bahan kimia berbahaya.

Faktor kedua, keyakinan pasaran membuktikan bahawa persijilan myGAP membantu meningkatkan kepercayaan pengguna dan pasaran terhadap produk mereka. Faktor ketiga, proses persijilan menggariskan kepentingan prosedur yang jelas dan sokongan agensi kerajaan dalam membantu petani mendapatkan persijilan dengan lebih mudah.

Jadual 12.10. Faktor mempengaruhi penerimaan persijilan myGAP

myGAP	Keselamatan (produk dan persekitaran)	Keyakinan dalam pasaran	Proses persijilan
Mengeluarkan hasil ladang yang selamat daripada racun perosak berlebihan	0.831		
Menyumbang kepada kelestarian alam sekitar	0.828		
Menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat	0.815		
Pengurusan ladang yang lebih cekap	0.810		
Mengeluarkan hasil ladang yang selamat daripada baja kimia berlebihan	0.802		
Keselamatan dan kebajikan pekerja terjaga	0.794		
Mengeluarkan hasil ladang yang berkualiti	0.790		
Dapat membantu pengawalan pencemaran persekitaran	0.781		
Ladang tanaman mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan dari jabatan	0.741		
Mendapat bantuan dan sokongan dari agensi	0.683		
Terdapat ruangan khas untuk produk myGAP di pasaran		0.761	
Harga jualan produk myGAP lebih tinggi berbanding dengan produk konvensional		0.738	
Pembungkusan berlogo myGAP mempengaruhi harga jualan		0.730	
Penggunaan logo myGAP dapat meningkatkan keyakinan pengguna		0.701	
Penggunaan logo myGAP dapat mempromosikan hasil ladang dengan lebih baik		0.700	
Terdapat penguatkuasaan dalam pemantauan kualiti produk		0.699	
Terdapat penguatkuasaan dalam pemantauan harga		0.693	
Terdapat pemantauan produk selepas keluar daripada ladang tanaman		0.688	
Pasaran yang lebih luas		0.640	
Proses pengauditan yang mudah			0.806
Proses permohonan persijilan mudah			0.766
Proses kelulusan cepat			0.736
Syarat permohonan persijilan adalah mudah dipenuhi			0.732

(Samb.)

Jadual 12.10. (Samb.)

myGAP	Keselamatan (produk dan persekitaran)	Keyakinan dalam pasaran	Proses persijilan
Tindakan pembetulan audit mudah dilakukan			0.715
Pengemaskinian buku rekod ladang mudah dilakukan			0.659
Kelulusan persijilan yang singkat			0.649
Syarat-syarat permohonan persijilan mudah difahami			0.613
Nilai Eigen	15.638	2.876	1.942
Nisbah varians (%)	25.925	21.070	18.994
Nisbah kumulatif (%)	25.925	46.994	65.988
KMO	0.956		
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	0.000		

Bagi persepsi terhadap myOrganic pula, analisis faktor turut menunjukkan tiga faktor utama yang hampir serupa tetapi dengan keutamaan yang sedikit berbeza. Faktor pertama, keselamatan produk dan persekitaran sangat mempengaruhi penerimaan myOrganic kerana pengguna lebih cenderung memilih produk yang terbukti organik dan bebas bahan kimia sepenuhnya. Faktor kedua, keyakinan pasaran menunjukkan bahawa produk organik mempunyai pasaran tersendiri dengan harga yang lebih tinggi dan permintaan yang semakin meningkat. Faktor ketiga, proses persijilan yang mana kepentingan prosedur dan proses persijilan yang jelas.

Jadual 12.11. Faktor mempengaruhi penerimaan persijilan myOrganic


myOrganic	Keselamatan (produk dan persekitaran)	Produk organik	Proses persijilan
Mengeluarkan hasil ladang yang berkualiti	0.858		
Menjamin kesejahteraan dan keselesaan masyarakat setempat	0.824		
Mengeluarkan hasil ladang yang selamat daripada racun perosak berlebihan	0.814		
Menyumbang kepada kelestarian alam sekitar	0.787		
Ladang tanaman mendapat khidmat nasihat dan kawal selia berterusan dari jabatan	0.773		
Dapat membantu pengawalan pencemaran persekitaran	0.738		
Keselamatan dan kebajikan pekerja terjaga	0.729		
Mendapat bantuan dan sokongan dari agensi	0.701		
Pengurusan ladang yang lebih cekap	0.691		
Mengeluarkan hasil ladang yang selamat daripada baja kimia berlebihan	0.674		
Terdapat ruangan khas untuk produk myOrganic di pasaran		0.827	
Terdapat pemantauan produk selepas keluar daripada ladang tanaman		0.789	

(Samb.)

Jadual 12.11. (Samb.)


myOrganic	Keselamatan (produk dan persekitaran)	Produk organik	Proses persijilan
Terdapat penguatkuasaan dalam pemantauan kualiti produk		0.771	
Penggunaan logo myOrganic dapat mempromosikan hasilan ladang dengan lebih baik		0.746	
Penggunaan logo myOrganic dapat meningkatkan keyakinan pengguna		0.741	
Harga jualan produk myOrganic lebih tinggi berbanding dengan produk konvensional		0.704	
Pembungkusan berlogo myOrganic mempengaruhi harga jualan		0.675	
Proses pengauditan yang mudah			0.866
Tindakan pembetulan audit mudah dilakukan			0.844
Proses permohonan persijilan mudah			0.791
Proses kelulusan cepat			0.774
Pengemaskinian buku rekod ladang mudah dilakukan			0.734
Syarat permohonan persijilan adalah mudah dipenuhi			0.643
Nilai Eigen	12.120	2.795	2.371
Nisbah varians (%)	28.682	20.924	19.537
Nisbah kumulatif (%)	28.682	49.606	69.143
KMO	0.851		
Bartlett's Test of Sphericity	0.000		

Produk myGAP dan myOrganic mendapat akses ke pelbagai saluran pasaran seperti pasar raya, kedai organik dan platform dalam talian, meningkatkan daya saing pengeluar. Majoriti daripada mereka menjual di saluran pemborong khas iaitu 47% diikuti di saluran pasar tani (20%) dan saluran kedai runcit (14%). Manakala saluran pasar raya pula hanya menunjukkan sebanyak 9% sahaja. Ini memberikan gambaran bahawa para petani dan penternak tidak membekalkan secara langsung kepada pasar raya tetapi lebih kepada pemborong khas untuk menjual produk pertanian mereka (*Rajah 12.23*).




Rajah 12.23. Saluran pasaran produk myGAP dan myOrganic (keseluruhan) berdasarkan maklum balas penternak dan petani

Terdapat dalam kalangan pemilik persijilan myGAP dan myOrganic ini mengeksport produk mereka. 61% daripada mereka memiliki persijilan myGAP Perikanan, 20% myGAP tanaman, myGAP ternakan (3%), myOrganic tanaman (4%) dan myOrganic ternakan (2%) (*Rajah 12.24*).



Rajah 12.24. Senarai persijilan myGAP dan myOrganic yang mengeksport berdasarkan maklum balas penternak dan petani


Para penternak dan petani juga ditanyakan sama ada cadangan untuk mewajibkan persijilan myGAP dan myOrganic dikenakan kepada kesemua penternak dan petani. Maklum balas daripada mereka 91% bersetuju untuk persijilan myGAP) dan 71% bersetuju untuk persijilan myOrganic (*Rajah 12.25*).



Rajah 12.25. Penerimaan usul mewajibkan persijilan untuk myGAP dan myOrganic

Pandangan untuk mengadakan persijilan berperingkat juga ditanyakan dalam kalangan penternak dan petani. Persijilan berperingkat ini adalah cadangan yang mana tahap persijilan ini dipecahkan kepada dua peringkat iaitu peringkat domestik dan eksport. Bagi pemilikan myGAP atau myOrganic tempatan, pematuhan terhadap elemen yang perlu dicapai tidak secara 100% dan diberikan kelonggaran bagi beberapa elemen yang masih selamat dan tidak membahayakan jika tidak dipatuhi. Manakala bagi peringkat kedua pula, adalah persijilan myGAP dan myOrganic eksport yang mana pematuhan elemen hendaklah dipatuhi secara 100% untuk semua elemen yang ada dalam syarat-syarat persijilan sedia ada.

Secara majoritinya, kesemua responden bersetuju 78% (myGAP) dan 72% (myOrganic) dengan cadangan untuk mengadakan persijilan berperingkat ini (*Rajah 12.26*). Cadangan persijilan berperingkat untuk myGAP dan myOrganic mendapat sokongan daripada penternak dan petani kerana ia memberikan kemudahan dan fleksibiliti yang diperlukan terutama bagi pengusaha kecil. Dengan pendekatan berperingkat, penternak dan petani tidak perlu mematuhi kesemua syarat sekali gus, yang boleh membebankan dari segi kewangan dan operasi. Sebaliknya, mereka diberi masa untuk meningkatkan infrastruktur ladang, menyiapkan dokumentasi dan memahami amalan baik pertanian secara beransur-ansur. Ini amat penting bagi penternak tradisional atau kecil yang mungkin menghadapi kekangan sumber kewangan, tenaga kerja dan kemudahan asas. Selain itu, persijilan berperingkat juga membantu dalam menjaga kualiti dan keselamatan produk terutamanya untuk pasaran tempatan. Cadangan ini juga dilihat sebagai langkah yang praktikal untuk mengurangkan beban pentadbiran dan pemantauan oleh pihak berwajib. Dengan memberikan masa kepada penternak dan petani untuk mematuhi syarat-syarat persijilan, urusan pentadbiran menjadi lebih lancar dan kurang membebankan.



Rajah 12.26. Penerimaan usul persijilan berperingkat untuk myGAP dan myOrganic

Secara keseluruhan, bagi mereka yang bersetuju, persijilan berperingkat bukan sahaja memudahkan penternak dan petani untuk mematuhi standard myGAP dan myOrganic tetapi juga memastikan kualiti produk pertanian Malaysia terus terjaga dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Namun bagi yang tidak bersetuju, pandangan bahawa pematuhan penuh (100%) adalah perlu untuk memastikan kualiti, keselamatan dan daya saing produk pertanian Malaysia. Mereka lebih cenderung untuk mengekalkan proses persijilan sedia ada yang telah diakui dan diterima di peringkat global kerana ia dianggap lebih efisien dan mampu mengekalkan reputasi produk Malaysia sebagai berkualiti tinggi dan selamat.

12.5. RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan persijilan myGAP dan myOrganic dalam kalangan petani dan penternak adalah positif terutamanya kerana faktor keselamatan produk, keyakinan pasaran dan sokongan daripada agensi kerajaan. Walaupun terdapat kesedaran yang tinggi terhadap manfaat persijilan, pelaksanaan di peringkat pengusaha kecil masih memerlukan peningkatan dari segi pemahaman, pematuhan kepada keperluan dokumentasi serta proses permohonan yang lebih sistematik dan mudah.

Pihak berwajib perlu mempercepatkan proses permohonan, memperluas latihan dan bimbingan teknikal serta menggiatkan promosi produk bersijil. Dengan sistem yang cekap dan sokongan berterusan, persijilan ini berupaya meningkatkan daya saing sektor pertanian dan penternakan negara. Pihak industri (lima kumpulan utama dalam rangkaian pasaran iaitu pemborong, peruncit, pasar raya, pengimport dan pengeksport) memandangkan persijilan myGAP dan myOrganic sebagai berdaya saing dari segi reputasi antarabangsa dan kepercayaan pengguna terhadap kelestarian. Namun, kekurangan hebahan, dasar penguatkuasaan dan ketidakjelasan nilai tambah harga menjadi antara cabaran utama yang perlu ditangani melalui pengukuhan promosi dan peluasan persijilan.

Pengambilan produk ini dalam kalangan responden adalah sederhana. Namun, pengguna lebih cenderung untuk memilih produk dengan label myGAP dan myOrganic berbanding label GAP dan Organik umum. Produk yang kerap dibeli adalah sayur-sayuran dan buah-buahan bagi kedua-dua jenis persijilan ini dan tenusu merupakan antara produk yang paling kurang dibeli. Pengguna bersetuju bahawa produk myGAP dan myOrganic lebih muda didapati di pasar raya terutama di kawasan bandar besar. Kesihatan merupakan faktor utama pengguna mengambil produk myGAP dan myOrganic yang mana mereka merupakan golongan sasaran pengeluaran dan penjual produk-produk tersebut.

Majoriti pengusaha memiliki persijilan myGAP berada dalam kluster tanaman dengan agensi kerajaan menjadi sumber utama maklumat kepada mereka. Dorongan untuk permohonan adalah bagi memastikan keselamatan makanan, meningkatkan kualiti hasil dan memelihara alam sekitar. Secara umumnya, proses permohonan dan pembaharuan sijil dianggap mudah oleh kebanyakan pengusaha yang turut menerima sokongan kukuh daripada agensi melalui pemantauan dan khidmat nasihat berterusan. Tiga faktor utama yang mendorong penerimaan persijilan ialah jaminan keselamatan produk, keyakinan pasaran dan kejelasan dalam proses persijilan. Produk yang dihasilkan dipasarkan melalui saluran pemborong khas selain sebahagiannya dieksport. Sebahagian besar pengusaha menyokong cadangan persijilan wajib serta pelaksanaan persijilan secara berperingkat kerana dilihat lebih fleksibel dan sesuai bagi pengusaha kecil.

Sebagai kesimpulan, dapatan kajian ini memperlihatkan penerimaan yang positif terhadap persijilan myGAP dan myOrganic dalam kalangan pengusaha serta pihak industri dan pengguna. Walaupun terdapat pelbagai manfaat yang diiktiraf seperti jaminan keselamatan makanan, peningkatan kualiti produk dan keyakinan pasaran, beberapa cabaran masih wujud khususnya dalam aspek pematuhan, promosi serta pemahaman terhadap nilai tambah persijilan. Justeru, penambahbaikan berterusan perlu digerakkan secara holistik merangkumi pemerkasaan dasar, penambahbaikan sistem permohonan, perluasan akses latihan teknikal dan strategi pemasaran bersepadu. Dengan komitmen berterusan daripada semua pihak berkepentingan, persijilan myGAP dan myOrganic berpotensi menjadi pemacu utama kepada pembangunan sektor pertanian dan penternakan negara yang lebih mampan, berdaya saing dan berorientasikan pasaran global.

12.6. RUJUKAN

- Amrol, M. S., Ruslan, N. A., & Abdullah, F. A. (2022). The Adoption of MyGAP among Pineapple Smallholders: Case Study in Muar, Johor Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 763–771.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches* (3rd Edition). California, USA: Sage Publications Inc.
- Jamal Abdul Nassir, S., Mohammad Noorizzuddin, N., Aimi Fadzirul, K., Najihah Yusra, M. H., & Fatin Nabilah, A. R. (2023). Laporan Akhir Pelan Strategik Promosi Dan Pemasaran Program Pengukuhan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) Untuk Tempoh Lima (5) Tahun. Laporan tidak diterbitkan.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, *Education and Psychological Measurement*, 30, 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>.
- Mohamad, A., Shaari, N. F., & Ghazali, M. H. (2021). Malaysian good agricultural practice (MyGAP): Challenges, motivation, and benefit of practice by cattle farmers in peninsular Malaysia. *J. Anim. Health Prod.*, 9(4), 398–405.
- Syahrin, S., Illani Zuraihah, I., & Mohd Amirul Mukmin, A. W. (2016). Organic Agriculture in Malaysia. *FFTC Agricultural Policy Platform (FFTC-AP)*, 1–8.
- Yuichiro, A., Ng, C. C., Linda, A. L., Guan, H. T., Chee, S. W., Lukman, B. A., Hui, B. T, Wen, X. T., She, M. T., Chai, H. L., & Jing, L. C. (2017). Producers' perceptions of public good agricultural practices and their pesticide use: The case of MyGAP for durian farming in Pahang, Malaysia. *Asian Journal of Agriculture and Rural Development*, 7(1), 1–16.